



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (37)
Tarikh : 11 Disember 2019

SIARAN MEDIA

KPKT LANCAR VISI DAN MISI BAHARU

PUTRAJAYA, 21 Januari 2019 - YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan pelancaran Visi dan Misi baharu kementerian dalam Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam KPKT Bil. 1/2020 yang berlangsung di Dewan Kristal, KPKT. Visi dan Misi baharu ini diujarkan selari dengan pemantapan fungsi Kementerian serta perubahan semasa. Visi dan Misi baharu ini juga diujarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama serta Agenda Pembangunan Bandar Mampan. Ia telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Pasca Kabinet KPKT pada 8 Januari 2020.

Dalam majlis yang sama, YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin juga telah melancarkan Laporan Pencapaian KPKT 2019. Laporan tersebut telah menyenaraikan semua pencapaian dan inisiatif KPKT yang telah berjaya memberi manfaat kepada masyarakat. Antara yang disenaraikan dalam buku tersebut ialah kejayaan KPKT memperkenalkan empat dasar dalam tahun 2019 iaitu Dasar Perumahan Negara 2018-2025; Dasar Perumahan Mampu Milik Negara; Dasar Komuniti Negara 2019-2030; dan Dasar Kebersihan Negara 2020-2030.

Paparan buku ini meliputi tujuh kluster utama kementerian dalam usaha meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat. Tujuh kluster tersebut ialah :

- 1 **Perumahan Untuk Semua** - Menghuraikan inisiatif dan pencapaian KPKT dalam sektor perumahan seperti :-
 - 1.1 3,701 unit rumah PPR telah disiapkan bagi golongan sasar B40 yang melibatkan 7 projek dengan kos RM639.6 juta.
 - 1.2 29,461 unit rumah telah terjual dengan nilai RM17.986 bilion melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC) 2019 dan HOC 300.
 - 1.3 1,469 unit rumah telah dibaik pulih di bawah Program Bantuan Baik Pulih Rumah Daif di Bandar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM20.42 juta
 - 1.4 2,325 unit rumah terbenkakai berjaya disiapkan dan 2,061 pembeli memperoleh manfaat daripada projek yang dipulihkan.

- 2 **Pemeriksaan Pihak Berkuasa Tempatan** - Menumpukan pencapaian dalam usaha memperkasa perkhidmatan PBT yang meliputi :-
 - 2.1 OSC 3.0 *Plus Online* diperkenalkan dan telah berjaya memendekkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang sehingga 80% di 10 PBT rintis.
 - 2.2 Bantuan kewangan kepada PBT sebanyak RM835 juta bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
 - 2.3 Pembangunan Kampung Baru sebanyak 488 projek bernilai RM41.6 juta.
 - 2.4 5 buah PBT telah dinaik taraf melalui kelulusan Jemaah Menteri iaitu Majlis Bandaraya Kuantan, Majlis Bandaraya Seberang Perai, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Kuala Langat dan Majlis Perbandaran Pengerang.
- 3 **Membentuk Komuniti dan Generasi Mampan** - Memberi fokus kepada kejayaan pelaksanaan program-program mendaya komuniti di kawasan perumahan seperti :-
 - 3.1 18 buah Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti telah berjaya ditubuhkan diseluruh negara.
 - 3.2 Program Mendaya Komuniti mendapat kerjasama lebih 190 rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan juga NGO.
 - 3.3 1,080 peserta telah terlibat dalam Program Pemeriksaan Ekonomi Komuniti Bandar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM9.98 juta.
 - 3.4 1.15 tan sisa pepejal berjaya dikumpul melalui 6 Program Eko Komuniti #TrashtoCash dengan penglibatan seramai 4,360 peserta.
- 4 **Memperkasa Perkhidmatan Kebombaan** - Fokus kepada usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh anggota bomba untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kebombaan yang efektif seperti :-
 - 4.1 Penubuhan 187 pasukan Bomba Komuniti diseluruh negara dengan jumlah keahlian seramai 2,402 orang.
 - 4.2 RM48.03 bilion anggaran nilai harta benda yang dapat diselamatkan akibat kebakaran.
 - 4.3 99.96% punca kebakaran telah berjaya dikenal pasti.
 - 4.4 Kempen Kesedaran Keselamatan Aktiviti di Air yang berlangsung di 3 lokasi telah menarik 2,800 penyertaan dan Modul Kesedaran Asas Keselamatan Aktiviti di Air yang melibatkan 8 buah sekolah di Putrajaya telah melibatkan penyertaan seramai 1,052 orang pelajar.

- 5 **Pengurusan Lestari Sisa Pepejal** - Menjelaskan pelaksanaan pengurusan sisa pepejal seperti :-
- 5.1 337 *hotspot* sampah haram telah berjaya ditutup dan 33 kes pendakwaan sampah haram telah dibawa ke mahkamah dengan nilai denda RM389 ribu.
 - 5.2 28.06% Kadar Kitar Semula Kebangsaan telah berjaya dicapai berbanding sasaran awal 27%.
 - 5.3 5.7 juta kg barangan kitar semula bernilai RM1.8 juta telah berjaya dikumpul menerusi Program Bank Kitar Semula.
- 6 **Peningkatan Penyampaian Perkhidmatan** – memberi fokus kepada inisiatif KPKT pembangunan sistem dan aplikasi yang memudahkan rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan
- 6.1 2,229 kes Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TPPR) telah diselesaikan mengikut KPI dalam tempoh 110 hari bekerja.
 - 6.2 4,454 kes Tribunal Pengurusan Strata (TPS) telah diselesaikan mengikut KPI dalam tempoh 150 hari bekerja.
 - 6.3 RM29,559 jumlah rampasan hasil 5 operasi serbuan premis Pemegang Pajak Gadai Haram.
- 7 **Kolaborasi Strategik** - Menumpukan usaha-usaha dan kerjasama yang telah dilakukan oleh KPKT dengan bidang-bidang tertentu di peringkat nasional dan antarabangsa seperti :-
- 7.1 Pengurangan kadar faedah pinjaman perumahan menerusi kolaborasi dengan Bank Negara Malaysia iaitu melalui Skim Pembiayaan Kewangan Fleksi; Skim Pembiayaan Dana Rumah Mampu Milik Bank Negara Malaysia; dan Skim Rumah Pertamaku.
 - 7.2 Memorandum Persefahaman dengan Republik Korea bagi dua buah projek dalam pengurusan air pintar dan pembangunan bandar pintar baharu di Kota Kinabalu, Sabah.
 - 7.3 Memorandum kerjasama antara Malaysia dengan Kementerian Alam Sekitar Jepun dalam bidang pengurusan sisa pepejal.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

VISI DAN MISI BAHARU KPKT

Visi :

Meneraju kemakmuran komuniti bandar dan persekitaran mampan

Misi :

Merealisasikan kemakmuran bersama melalui perumahan yang berdaya huni, perkhidmatan perbandaran yang mampan dan perkhidmatan kebombaan yang efektif justeru meningkatkan kualiti hidup rakyat